

KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : KEW(S): 100-4/1 Klt.3 (98)

Bil. : 13 Oktober, 2016

Tarikh :

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI BIL. 6/2016
HAD NILAI PEROLEHAN KERJA BAGI PERUNTUKAN PERSEKUTUAN


1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri mengenai penyelarasan had nilai perolehan kerja bagi kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dan Construction Industry Development Board (CIDB) yang melibatkan Peruntukan Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa ini had nilai perolehan kerja gred pendaftaran PUKONSA dengan CIDB yang melibatkan Peruntukan Persekutuan adalah tidak selaras. Perbezaan tersebut bukan sahaja mengelirukan Kementerian/Jabatan/Agensi yang mengeluarkan sebutharga/tender tetapi juga menghadkan peluang kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA untuk menyertai sebutharga/tender perolehan kerja.
- 2.2 Sehubungan itu, kebenaran untuk menyelaraskan had nilai perolehan gred pendaftaran PUKONSA dan CIDB adalah langkah yang tepat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

...2/-



(2)

KEW(S): 100-4/1 Klt.3 (98)

13 Oktober, 2016

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI BIL.6/2016
HAD NILAI PEROLEHAN KERJA BAGI PERUNTUKAN PERSEKUTUAN**

3. KETETAPAN

- 3.1 Gred pendaftaran dan had nilai perolehan kerja bagi kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA untuk menyertai perolehan kerja menggunakan Peruntukan Persekutuan adalah **dibenarkan** seperti berikut :

Kontraktor Kerja (Bangunan/Awam/Mekanikal/Elektrik)

Gred CIDB	Had Nilai Perolehan Kerja	Gred PUKONSA
G1	Tidak melebihi RM200,000	Kelas F
G2	Tidak melebihi RM500,000	Kelas E
G3	Tidak melebihi RM1,000,000	Kelas D
G4	Tidak melebihi RM3,000,000	Kelas C
G5	Tidak melebihi RM5,000,000	Kelas B
G6	Tidak melebihi RM10,000,000	Kelas A
G7	TIADA HAD	


- 3.2. Had nilai perolehan kerja gred pendaftaran PUKONSA yang berkuatkuasa bagi semua perolehan kerja yang melibatkan Peruntukan Negeri adalah **dikekalkan**.

4. KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



**(DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HAJI MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap**

s.k: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pengarah Audit Negara Cawangan Sabah
Pengarah Pembangunan Negeri Sabah
Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Sabah
Pengarah CIDB Wilayah Sabah
Bendahari Negeri